

NO SOALAN : 459

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan skim dan program-program pencen untuk membantu veteran-veteran Angkatan Tentera Malaysia apabila mereka bersara atau mereka yang memilih skim persaraan awal.

JAWAPAN:

Bagi menjamin sosioekonomi Veteran ATM dan meneruskan kelangsungan hidup sebaik tamat perkhidmatan, pihak kerajaan telah memperkenalkan beberapa program iaitu:

- a. Program Latihan Peralihan ATM. Ianya merupakan program khas yang disediakan oleh Kerajaan kepada anggota ATM yang akan bersara agar mereka memperolehi suatu kemahiran dan pengalaman supaya dapat menyesuaikan diri dengan corak penghidupan baru apabila bersara kelak.
- b. Program Penempatan Kerja Untuk Veteran. Ianya bertujuan mempertingkatkan pengambilan Veteran ATM dalam sektor awam dan swasta selepas menamatkan perkhidmatan dengan melaksanakan program kerjasama strategik melalui beberapa perjanjian dengan agensi awam dan swasta. Sehingga kini sejumlah 1,516 Veteran ATM dan bakal pesara telah mendapat peluang pekerjaan dari program ini.

c. Program Bantuan Keusahawanan. Ianya bertujuan memberi latihan, pinjaman mikro dan khidmat nasihat kepada Veteran ATM yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Sejumlah RM33.5 juta telah disalurkan oleh Kerajaan dalam Skim Pembiayaan Mikro - Usahawan Veteran ATM dengan nilai pembiayaan sehingga RM50,000 tanpa faedah. Sehingga kini seramai 1,314 veteran telah mendapat kemudahan pembiayaan ini.

d. Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV ATM TB). Ianya bertujuan bagi membantu veteran ATM yang tidak berpencen meningkatkan sosio ekonomi mereka. Melalui program ini veteran tidak berpencen berpeluang untuk mengikuti latihan berbentuk kemahiran (*hardskill*) dan pengetahuan (*softskill*). Program bimbingan (*coaching*), khidmat nasihat (*mentoring*) dan penyeliaan (*supervising*) juga turut diberi kepada veteran tidak berpencen mengikut keperluan.